

RAMALAN UPSR 2019

KSSR Tahun 4 5 6



MODUL RAMALAN UPSR 2019

Menu Undur Teruskan Tamat

KLINIK UPSR : BAHASA MELAYU

SKOR A

SOALAN PENULISAN

UPSR

012

BAHASA MELAYU

ITEM BAHAGIAN "A"

ITEM BAHAGIAN "B"

ITEM BAHAGIAN "C"

SOALAN RAMALAN

Latihan Pecutan Akhir - Skema Jawapan Lengkap

Modul Ramalan UPSR : Pecutan Akhir - Skor 2A



Md. Ramli Sabran
Guru Cemerlang


MODUL RAMALAN UPSR - TAHUN 2019

KARANGAN BAHAGIAN "A" - TEMA : SEKOLAH

2006 Waktu Rehat di Kantin Sekolah

2007 Persiapan Majlis Anugerah Cemerlang

2009 Aktiviti di Taman Sains / Taman Mini




KARANGAN BAHAGIAN "A" - TEMA : KELUARGA

2010 Suasana di Halaman Sebuah Rumah

2013 Suasana di Kebun Sayur

2015 Suasana Gotong-royong Suatu Majlis



KARANGAN BAHAGIAN "A" - TEMA : MASYARAKAT

2005 Situasi Menjual Ikan dan Menjual Daging

2008 Cara-cara Melintas Jalan dengan Selamat.

2011 Situasi Semasa Hari Raya Aidilfitri

2012 Suasana di Sebuah Kedai Makan

2014 Aktiviti Penduduk di Sebatang Sungai

2016 Bantuan kepada Mangsa Banjir



KARANGAN BAHAGIAN "A" - TEMA : MASYARAKAT

2017 Keadaan di Sebuah Pasar Raya

KARANGAN BAHAGIAN "B" - TEMA : MASYARAKAT

2016 Ulasan – Kes Demam Denggi

2017 Ulasan Kes Keracunan Makanan

KARANGAN BAHAGIAN "C" - TEMA : SEKOLAH

- | | | |
|----------|-------------|---|
| 2005 (1) | KEPERIHALAN | Mengikuti program Motivasi UPSR |
| 2005 (2) | CATATAN | Berkelah bersama-sama keluarga di tempat yang menarik |
| 2005 (3) | TEMU RAMAH | Memenangi pertandingan bercerita peringkat daerah |
| 2006 (2) | UCAPAN | Majlis meraikan kejayaan kawan dalam suatu pertandingan |

2006 (3)	PERBUALAN	Berbual dengan rakan tentang lawatan yang akan kamu sertai
2009 (1)	AKHIR CERITA	... Rakan-rakan mengucapkan tahniah kepadaku. Aku berasa gembira
2009 (2)	KEPERIHALAN	Suasana Temasya Sukan Olahraga Tahunan sekolah kamu
2009 (3)	SURAT KTR	Bercerita tentang persediaan menghadapi UPSR kepada kawan
2010 (2)	FAKTA	Menyertai Kem Kecemerlangan UPSR anjuran sekolah kamu
2010 (3)	LAPORAN	Laporan setiausaha, perkhemahan unit beruniform sekolah kamu
2011 (1)	KEPERIHALAN	Menceritakan aktiviti yang kamu lakukan semasa cuti sekolah
2011 (2)	FAKTA	Kebaikan membawa bekalan makanan dari rumah ke sekolah
2011 (3)	PERBUALAN	Kejayaan kawan kamu dalam pertandingan bercerita peringkat negeri
2012 (2)	BIOGRAFI	“Guru yang Saya Sayangi”
2012 (3)	CATATAN	Perhimpunan mingguan (rasmi) sekolah kamu
2013 (1)	KEPERIHALAN	Cara-cara menjaga kebersihan dan keceriaan bilik darjah kamu
2013 (3)	UCAPAN	“Cara-cara Menghormati Guru” sempena sambutan Hari Guru
2014 (2)	FAKTA	Sekolah kamu ada perpustakaan. Kebaikan menggunakan perpustakaan
2015(3)	LAPORAN	Aktiviti sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : KELUARGA

2007 (1)	SAM... CERITA	Taksi berhenti di depan rumah. Aku menjenguk keluar. Aku melihat ...
2008 (2)	BIOGRAFI	“Orang yang Saya Sayangi”
2013 (2)	KEPERIHALAN	Persiapan kamu sekeluarga sebelum menjelang hari perayaan

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : MASYARAKAT

2006 (1)	FAKTA	Cara-cara menjaga kesihatan diri
2007 (2)	FAKTA	Kamu mempunyai jiran yang baik, tulis kebaikan jiran-jiran kamu itu
2007 (3)	BERITA	Pertandingan melukis sempena sambutan Hari Kemerdekaan
2008 (1)	KEPERIHALAN	Cara-cara menggunakan wang RM500.00 yang kamu menangi itu
2008 (3)	FAKTA	Perlunya kita menuntut ilmu pengetahuan
2010 (1)	ULASAN	Ulasan cerita tentang sebuah buku yang telah kamu baca
2012 (1)	AKHIR CERITA	... Aku ingin berkunjung ke tempat itu lagi pada masa akan datang
2014 (1)	SAM... CERITA	Ketika aku main di taman, ... kanak-kanak terjatuh dari buaian. Aku ...
2014 (3)	SURAT T/RSMI	Surat kepada kawan, menceritakan tempat menarik di tempat kamu
2015 (1)	AKHIR CERITA	... Ibu kanak-kanak itu mengucapkan terima kasih kepadaku
2015 (2)	FAKTA	‘Kebaikan Menonton Televisyen’

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : MASYARAKAT

PANTUN BUDI

Anak itik berenang-renang,
Air pasang tenang-tenang;
Budi sedikit tidak akan hilang,
Itu menjadi kenang-kenangan.

Anak ikan berlima-lima,
Mati ditimpa dahan berdaun;
Budi tuan saya terima.
Sebagai hutang seribu tahun

2016 (1) FAKTA Cara-cara menghargai orang yang berbudi kepada kita

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : SEKOLAH

2016 (2) UCAPAN Majlis perpisahan kerana guru kelas kamu berpindah ke sekolah lain

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : MASYARAKAT

TEMPAT PERTAMA
RM500 & MEDAL

TEMPAT KEDUA
RM300 & MEDAL

TEMPAT KETIGA
RM100 & MEDAL

YURAN PENDAFTARAN
RM10

PERTANDINGAN BASIKAL BUKIT 2017

Tarikh : 5 Nov. 2017
Lokasi : Bukit Bandaran
Masa : 8.00 pagi
Hubungi : En. Umar Faizal (012-12345678)

KATEGORI PENYERTAAN
Kategori A: Sekolah Menengah
Kategori B: Sekolah Rendah
SIJIL PENYERTAAN UNTUK SEMUA PESERTA

SOALAN RAMALAN KARANGAN : UPSR 2019

SUASANA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

2017 (1) SKTR - Surat kepada Rakan

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : SEKOLAH

Sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia, sekolah kamu telah menjemput seorang doktor dan beberapa orang jururawat, berbagai-bagai aktiviti seperti ceramah dan pemeriksaan kesihatan secara percuma telah diadakan pada hari tersebut.

Tulis sebuah karangan tentang aktiviti-aktiviti yang diadakan itu.

2017 (2) FAKTA Aktiviti-aktiviti Sempena Hari Kesihatan Sedunia

KARANGAN BAHAGIAN “C” - TEMA : SEKOLAH / KELUARGA / MASYARAKAT


2009 (1)	AKHIR CERITA	... Rakan-rakan mengucapkan tahniah kepadaku. Aku berasa gembira
2012 (1)	AKHIR CERITA	... Aku ingin berkunjung ke tempat itu lagi pada masa akan datang
2015 (1)	AKHIR CERITA	... Ibu kanak-kanak itu mengucapkan terima kasih kepadaku
2007 (3)	BERITA	Pertandingan melukis sempena sambutan Hari Kemerdekaan
2008 (2)	BIOGRAFI	“Orang yang Saya Sayangi”
2012 (2)	BIOGRAFI	“Guru yang Saya Sayangi”
2005 (2)	CATATAN	Berkelah bersama-sama keluarga di tempat yang menarik
2012 (3)	CATATAN	Perhimpunan mingguan (rasmi) sekolah kamu
2006 (1)	FAKTA	Cara-cara menjaga kesihatan diri
2007 (2)	FAKTA	Kamu mempunyai jiran yang baik, tulis kebaikan jiran-jiran kamu itu
2008 (3)	FAKTA	Perlunya kita menuntut ilmu pengetahuan
2010 (2)	FAKTA	Menyertai Kem Kecemerlangan UPSR anjuran sekolah kamu
2011 (2)	FAKTA	Kebaikan membawa bekalan makanan dari rumah ke sekolah
2014 (2)	FAKTA	Sekolah kamu ada perpustakaan. Kebaikan menggunakan perpustakaan
2015 (2)	FAKTA	‘Kebaikan Menonton Televisyen’
2016 (1)	FAKTA	Cara-cara menghargai orang yang berbudi kepada kita
2005 (1)	KEPERIHALAN	Mengikuti program Motivasi UPSR
2008 (1)	KEPERIHALAN	Cara-cara menggunakan wang RM500.00 yang kamu menangi itu
2009 (2)	KEPERIHALAN	Suasana Temasya Sukan Olahraga Tahunan sekolah kamu
2011 (1)	KEPERIHALAN	Menceritakan aktiviti yang kamu lakukan semasa cuti sekolah
2013 (1)	KEPERIHALAN	Cara-cara menjaga kebersihan dan keceriaan bilik darjah kamu
2013 (2)	KEPERIHALAN	Persiapan kamu sekeluarga sebelum menjelang hari perayaan
2017 (2)	KEPERIHALAN	Aktiviti-aktiviti sempena Hari Kesihatan Sedunia peringkat sekolah
2010 (3)	LAPORAN	Laporan setiausaha, perkhemahan unit beruniform sekolah kamu
2015(3)	LAPORAN	Aktiviti sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah
2006 (3)	PERBUALAN	Berbual dengan rakan tentang lawatan yang akan kamu sertai
2011 (3)	PERBUALAN	Kejayaan kawan kamu dalam pertandingan bercerita peringkat negeri
2018 (2)	PERBUALAN	Berbual-bual dengan kawan kamu tentang faedah-faedah membaca
2007 (1)	SAM... CERITA	Teksi berhenti di depan rumah. Aku menjenguk keluar. Aku melihat ...
2014 (1)	SAM... CERITA	Ketika aku main di taman, ... kanak-kanak terjatuh dari buaian. Aku ...
2009 (3)	SURAT K.T.R.	Bercerita tentang persediaan menghadapi UPSR kepada kawan
2014 (3)	SURAT K.T.R.	Surat kepada kawan, menceritakan tempat menarik di tempat kamu
2017 (1)	SURAT K.T.R.	Surat kepada kawan mempelawa menyertai Pertandingan Basikal Bukit.
2005 (3)	TEMU RAMAH	Memenangi pertandingan bercerita peringkat daerah
2006 (2)	UCAPAN	Majlis meraikan kejayaan kawan dalam suatu pertandingan
2013 (3)	UCAPAN	“Cara-cara Menghormati Guru” sempena sambutan Hari Guru
2016 (2)	UCAPAN	Majlis perpisahan kerana guru kelas kamu berpindah ke sekolah lain

KARANGAN BAHAGIAN “C” - ANALISIS SOALAN UPSR BM TAHUN 2012 HINGGA 2018

2010 (1)	ULASAN	Ulasan cerita tentang sebuah buku yang telah kamu baca
2012 (1)	AKHIR CERITA	... Aku ingin berkunjung ke tempat itu lagi pada masa akan datang
2015 (1)	AKHIR CERITA	... Ibu kanak-kanak itu mengucapkan terima kasih kepadaku
2012 (2)	BIOGRAFI	“Guru yang Saya Sayangi”
2012 (3)	CATATAN	Perhimpunan mingguan (rasmi) sekolah kamu
2014 (2)	FAKTA	Sekolah kamu ada perpustakaan. Kebaikan menggunakan perpustakaan
2015 (2)	FAKTA	‘Kebajikan Menonton Televisyen’
2016 (1)	FAKTA	Cara-cara menghargai orang yang berbudi kepada kita
2013 (1)	KEPERIHALAN	Cara-cara menjaga kebersihan dan keceriaan bilik darjah kamu
2013 (2)	KEPERIHALAN	Persiapan kamu sekeluarga sebelum menjelang hari perayaan
2017 (2)	KEPERIHALAN	Aktiviti-aktiviti sempena Hari Kesihatan Sedunia peringkat sekolah
2015(3)	LAPORAN	Aktiviti sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah
2014 (1)	SAM... CERITA	Ketika aku main di taman, ... kanak-kanak terjatuh dari buaian. Aku ...
2018 (1)	SAM... CERITA	Mulakan caerita kamu dengan “Aku terpan pandang ...”
2014 (3)	SURAT T/RSMI	Surat kepada kawan, menceritakan tempat menarik di tempat kamu
2017 (1)	SURAT K.T.R.	Surat kepada kawan mempelawa menyertai Pertandingan Basikal Bukit.
2013 (3)	UCAPAN	“Cara-cara Menghormati Guru” sempena sambutan Hari Guru
2016 (2)	UCAPAN	Majlis perpisahan kerana guru kelas kamu berpindah ke sekolah lain

KARANGAN BAHAGIAN “A” / “B” / “C” - SOALAN PENULISAN (012) : UPSR TAHUN 2018**BAHAGIAN “A” - TEMA : SEKOLAH**

PERKHEMAHAN PENGAKAP

**BAHAGIAN “B” - TEMA : MASYARAKAT**

Hari Sukaneka Taman Permai merupakan acara tahunan yang diadakan untuk mengeratkan hubungan sesama penduduk taman ini. Persatuan Penduduk Taman Permai telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan aktiviti pada hari sukaneka ini.

Penduduk diagihkan kepada beberapa kumpulan. Mereka bergotong-royong untuk menyediakan peralatan dan turut melibatkan diri dalam semua acara yang diadakan. Mereka bertanding bersungguh-sungguh untuk memenangi acara yang disertai. Di samping bersukan, para penduduk juga berpeluang untuk beramah mesra dan mengenali satu sama lain.

Majlis penyampaian hadiah diadakan selepas semua acara selesai. Kebanyakan hadiah disumbangkan oleh individu dan syarikat tertentu. Dalam ucapan penutup, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Permai berharap agar keharmonian penduduk dapat dikekalkan. Beliau turut mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua penduduk. Sebelum bersurai, para penduduk menikmati jamuan yang disediakan oleh kaum ibu.

2018 (C1) Naratif (pulang dari sekolah) : Mulakan karangan kamu dengan “**Aku terpan pandang ...**”

2018 (C1) Perbualan : Kamu berbual-bual dengan kawan kamu tentang **faedah-faedah membaca.**

KARANGAN BAHAGIAN (“A” / “B” / “C”) - PENULISAN (012) : SET RAMALAN UPSR 2019**KARANGAN : BAHAGIAN “A”**

- | | | |
|----------|-----------------------|---|
| 2019 (1) | <i>Gambar Bersiri</i> | 1. Tema Sekolah : Cara-cara Untuk Menjadi Murid yang Cemerlang |
| 2019 (2) | <i>Gambar Bersiri</i> | 2. Tema Keluarga : Cara-cara Penjagaan Kesihatan Seisi Keluarga |
| 2019 (3) | <i>Gambar Bersiri</i> | 3. Tema Keluarga : Cara-Cara Menjaga Kebersihan dan Keceriaan |
| 2019 (4) | <i>Gambar Bersiri</i> | 4. Tema Masyarakat : Kesenian dan Kebudayaan Rakyat Malaysia |
| 2019 (5) | <i>Gambar Tunggal</i> | 5. Tema Sekolah : Gotong-royong yang telah dijalankan di sekolah |
| 2019 (6) | <i>Gambar Tunggal</i> | 6. Tema Masyarakat : Pameran reka cipta alatan sains dan teknologi |

KARANGAN : BAHAGIAN “B”

- | | | |
|----------|-------------------------|---|
| 2019 (1) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 1. Masyarakat : Berhemah, berwaspada ketika berada di jalan raya |
| 2019 (2) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 2. Keluarga : Berkunjung ke tempat-tempat riadah yang menarik |
| 2019 (3) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 3. Masyarakat : Kempen Belilah Barangan Buatan negara Malaysia |
| 2019 (4) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 4. Keluarga : Amalan, panduan gaya hidup sihat yang harus diamalkan |
| 2019 (5) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 5. Masyarakat : Gambar menunjukkan Carta Piramid Aktiviti Fizikal |
| 2019 (6) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 6. Masyarakat : Beberapa jenis produk atau barangan hasilan lembu |
| 2019 (7) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 7. Masyarakat : Kebaikan amalan menabung dan berjimat-cermat |
| 2019 (8) | <i>Grafik dan Frasa</i> | 8. Masyarakat : Pelbagai hasil yang boleh diperolehi daripada pisang |

KARANGAN : BAHAGIAN “C”




- | | | |
|----------|--------------------|--|
| 2017 (1) | <i>KEPERIHALAN</i> | 1. Berkunjung dan membeli-belah barangan keperluan di pasar malam |
| 2017 (2) | <i>KEPERIHALAN</i> | 2. Menghadiri majlis kenduri kahwin saudara mara / sahabat handai |
| 2017 (1) | <i>FAKTA</i> | 1. Cara-cara mengisi masa yang terluang atau masa lapang |
| 2017 (2) | <i>FAKTA</i> | 2. Kempen “Kebajikan Makan Buah-buahan Tempatan” |
| 2017 (3) | <i>FAKTA</i> | 3. Kempen “Cintailah Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan Kita” |
| 2017 (4) | <i>FAKTA</i> | 4. Kepentingan makanan seimbang kepada kesihatan kita |
| 2017 (5) | <i>FAKTA</i> | 5. Kepentingan sukan dan permainan kepada murid |
| 2017 (1) | <i>CATATAN</i> | 1. Aktiviti pada hari minggu atau pada hari cuti persekolahan |
| 2017 (2) | <i>LAPORAN</i> | 1. Kempen aktiviti Bulan Bahasa “Cintai Bahasa Kebangsaan” |
| 2017 (1) | <i>SYARAHAN</i> | 1. Kempen Jimat Cermat, “Faedah dan Kebaikan Menabung” |
| 2017 (2) | <i>SYARAHAN</i> | 2. Kempen PKJR, “Berhati-hati Ketika Berada di Jalan Raya” |

KARANGAN : BAHAGIAN "A"



Gambar di bawah menunjukkan cara-cara untuk menjadi murid cemerlang.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang amalan dan cara-cara tersebut.

Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



CARA-CARA UNTUK MENJADI MURID CEMERLANG



FORMULA : A BA M {Apa / Buat Apa / Mengapa} – Peluasan Idea (SUKA), (DSKP)		
Apa (Merujuk Grafik)	Buat Apa (Kata Kerja)	PI (supaya / untuk / kerana / agar) - (di / semasa/ ketika / pada)

- 1 Kita hendaklah memberi tumpuan sepenuhnya semasa guru sedang mengajar di dalam kelas.
- 2 Budak lelaki itu melayari Internet untuk mendapatkan maklumat pelajaran yang diperlukannya.
- 3 Murid-murid itu belajar secara berkumpulan dengan bimbingan guru bagi menyelesaikan masalah.
- 4 Aiman dan rakannya berkunjung ke pusat sumber sekolah untuk membuat rujukan dan ulang kaji.
- 5 Murid yang aktif bersukan memperoleh kecergasan fizikal sekali gus mendapat kecerdasan mental.

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara penjagaan kesihatan yang boleh diamalkan.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang cara-cara penjagaan kesihatan tersebut.

Tulis **satu** ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



**CARA-CARA PENJAGAAN
KESIHATAN YANG
BOLEH DIAMALKAN**



FORMULA : A BA M {Apa / Buat Apa / Mengapa} – Peluasan Idea (SUKA), (DSKP)

Apa (Merujuk Grafik)

Buat Apa (Kata Kerja)




PI (supaya / untuk / kerana / agar) - (di / semasa/ ketika / pada)

- 1 Kita hendaklah mandi menggunakan sabun wangi untuk membersihkan seluruh anggota badan.
- 2 Intan dan adiknya makan makanan yang berkhasiat supaya memperoleh kesihatan yang baik.
- 3 Mei Mei dan kakaknya berjoging untuk kesihatan tubuh badan serta bagi mengisi masa lapang.
- 4 Kita hendaklah membersihkan persekitaran rumah agar nyamuk Aedes tidak dapat membiak.
- 5 Budak lelaki itu berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan setelah dia berasa kurang sihat.

KARANGAN : BAHAGIAN "B"


Para pengguna diingatkan agar berhemah dan berwaspada ketika berada di jalan raya.
 Tulis ulasan kepentingan berhemah ketika berada di jalan raya dalam bentuk perenggan.
 Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

SENTIASA BERHEMAH DAN BERWASPADA KETIKA BERADA DI JALAN RAYA



- Gunakan lintasan belang ketika menyeberang
- Pegang tangan anak kecil ketika menyeberang
- Pengguna motosikal mesti memakai topi keledar
- Pakai tali pinggang keledar ketika menaiki kereta
- Sentiasa berhati-hati ketika berada di jalan raya

Semoga Selamat Sampai ke Destinasi



RESPONS TERTUTUP (TERSURAT)		RESPONS TERBUKA (TERSIRAT)	
Penanda Wacana (PASSK) / (PMSSK)	Idea / Isi (Formula : TT) {Tiru / Tambah}	Peluasan Idea {Tersurat / Tersirat}	

*Kita perlu berhemah dan berwaspada ketika berada di jalan raya supaya selamat tiba di destinasi. **Antaranya**, kita mesti menggunakan lintasan belang semasa hendak melintas jalan raya yang sibuk.*

***Selain itu**, penunggang dan pembonceng motosikal mestilah memakai topi keledar untuk keselamatan jika berlaku kemalangan atas mereka. **Seterusnya**, pemandu dan penumpang kereta juga hendaklah mengenakan tali pinggang keledar sepanjang perjalanan yang dilalui.*

***Kesimpulannya**, semua pengguna jalan raya wajarlah berhati-hati serta berwaspada ketika berada di atas jalan raya. Patuhilah peraturan jalan raya, "pandu cermat, jiwa selamat".*

Tempat-tempat riadah yang menarik sering diiklankan di media sosial tempatan.

Tulis ulasan tentang tempat riadah tersebut dalam bentuk perenggan.


Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

KUNJUNGI LAMAN HARMONI – RIADAH BERSAMA-SAMA KELUARGA
Suasana yang nyaman dan hening – sangat sesuai bersantai dengan keluarga

Terletak di kawasan Gua Tempurung, kira-kira setengah jam perjalanan dari bandaraya Ipoh atau kira-kira satu jam perjalanan dari pekan Teluk Intan.

Kemudahan yang disediakan:

1. Pondok riadah
2. Bangku batu
3. Trek berjoging
4. Trek berbasikal
5. Kolam (memancing)
6. Padang permainan
7. Peniaga bergerak



RESPONS TERTUTUP (TERSURAT)	RESPONS TERBUKA (TERSIRAT)	
Penanda Wacana (PASSK) / (PMSSK)	Idea / Isi (Formula : TT) {Tiru / Tambah}	Peluasan Idea {Tersurat / Tersirat}

*Iklan tentang tempat-tempat riadah yang menarik sering terpapar di media-media sosial tempatan. **Misalnya**, Laman Harmoni yang menawarkan tempat riadah yang selesa untuk seisi keluarga.*

***Selain itu**, Laman Harmoni ini terletak tidak jauh daripada Bandaraya Ipoh iaitu, kira-kira setengah jam perjalanan jika kita menggunakan kenderaan atau kereta sendiri. **Seterusnya**, suasana yang nyaman dan hening pula amat sesuai untuk bersantai atau beristirahat bersama-sama keluarga tersayang.*

***Kesimpulannya**, pelbagai kemudahan turut disediakan di Laman Harmoni seperti pondok riadah, trek untuk berjoging dan kolam untuk kaki pancing juga turut disediakan di laman ini.*

KARANGAN : BAHAGIAN "C"

Soalan 1

<p>PANTUN ADAT</p> <p>Pasar minggu jualan terbuka, Ramai pengunjung tua muda; Memilih barang terlalu leka, Tawar menawar bergurau senda.</p> <p>Pulut lemang ketupat palas, Ikan haruan si ikan keli; Barang dagang harganya jelas, Jadi tumpuan para pembeli.</p>



Dua rangkap pantun di atas menggambarkan suasana di sebuah pasar minggu.

Berdasarkan pantun tersebut, tulis karangan cerita tentang pengalaman kamu mengunjungi pasar minggu di tempat tinggal kamu itu.

TEKNIK : {I. C. I} - [IDEA - CONTOH - IMPAK] / {I. C. I} : (Idea), (Keterangan), (Huraian)	
{I. C. I} - [IDEA - CONTOH - IMPAK]	Peluasan Idea : (Apakah? / Nyatakan ... / Bagaimana?)
<p style="text-align: center;"><i>PELBAGAI JENIS BARANGAN DIJUAL DI PASAR MALAM</i></p> <p><i>Pasar malam yang dibuka seawal pukul 3:30 petang, biasanya diadakan seminggu sekali. Laluan yang dijadikan lokasi pasar malam akan ditutup lebih awal untuk memberi kemudahan kepada para peniaga menyusun barangan jualan mereka.</i></p> <p><i>Selepas waktu maghrib, deretan lampu dari gerai-gerai yang beroperasi mulai bergemerlapan menerangi medan beli-belah ini. Apabila sesak, suasana akan menjadi bingit. Keadaan riuh-rendah dengan aktiviti tawar-menawar dan laungan suara peniaga mempromosikan barangan jualan mereka menjadikan suasana riuh-rendah di segenap penjuru.</i></p> <p><i>Pelbagai produk dijual di pasar malam. Antaranya, pakaian, bahan mentah, perkakas dapur dan makanan segera. Pakaian, aksesori wanita, barang-barang permainan, teks bacaan, bahan audio, ubat-ubatan tradisional, barangan terpakai juga boleh didapati di pasar malam.</i></p> <p><i>Kendatipun begitu, tidaklah semua pengunjung yang datang ke pasar malam berhasrat untuk berbelanja. Ada yang hanya menjamu mata, ada yang mundar-mandir memperagakan penampilan dan ada juga yang menjadikan pasar malam sebagai medan pertemuan peribadi.</i></p> <p><i>Gerai yang sering memonopoli kunjungan ialah gerai yang menggunakan kemudahan audio untuk mencanangkan barangan jualannya. Pembesar suara saling bergema dari pelbagai arah untuk mempropagandakan jualan lelong, memperkenalkan ubat-ubatan tradisional serta mempromosi teks ceramah tentang lagu-lagu pujaan masa kini atau filem terkini yang "panas" di pasaran.</i></p> <p><i>Pasar malam lazimnya akan beransur-ansur lengang selepas pukul 11:00 malam. Pada ketika itu para pembeli sudah mahu beredar meninggalkan kawasan pasar malam. Para peniaga pula sibuk berkemas dan menyimpan segala barangan jualan serta membersihkan tapak gerai masing-masing.</i></p>	

Soalan 5

Kamu dan keluarga kamu telah berkunjung ke ekspo pertanian, “Pesta Buah-buahan Tempatan” yang diadakan di tempat kamu. Kamu juga berpeluang merasa pelbagai jenis buah yang dipamerkan serta yang dijual semasa ekspo tersebut berlangsung.

Antara buah-buahan yang terdapat semasa “Pesta Buah-buahan Tempatan” tersebut.	
Buah-buahan yang bermusim	Buah-buahan yang tidak bermusim
	

Tulis cerita tentang kebaikan buah-buahan tempatan yang kamu ketahui setelah melawat ekspo pertanian “Pesta Buah-buahan Tempatan” itu.

TEKNIK : {I. C. I} - [IDEA - CONTOH - IMPAK] / {I. C. I} : (Idea), (Keterangan), (Huraian)	
{I. C. I} - [IDEA - CONTOH - IMPAK]	Peluasan Idea : (Apakah? / Nyatakan ... / Bagaimana?)

KEBAIKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang terdapat di negara kita Malaysia. Antara contoh buah-buahan tempatan ialah durian, rambutan, manggis dan lain-lain lagi. Buah-buahan ini mudah didapati dan murah pula harganya.

Rakyat Malaysia digalakkan membeli dan mengambil buah-buahan tempatan sebagai satu daripada sajian makanan harian kerana buah-buahan tempatan masih segar. Oleh itu, buah-buahan ini tentu lebih berkhasiat kerana kandungan pelbagai jenis zat dan vitamin dalam buah tersebut. Kandungan zat dan vitamin ini sangat baik untuk kesihatan kita.

Buah-buahan tempatan ini juga boleh didapati dengan banyak sekali apabila tiba musimnya. Pokok buah-buahan seperti pisang dan betik boleh kita tanam sendiri di sekeliling rumah, apatah lagi sekiranya kita tinggal di kampung. Kita juga lebih mudah untuk mendapatkan buah-buahan ini tanpa perlu pergi ke kedai serta tidak perlu mengeluarkan wang untuk membelinya.

Buah-buahan tempatan juga ada sebahagiannya kita boleh jadikan perasa makanan ataupun jus minuman yang enak, lazat, dan menyelerakan. Buah tembikai, jambu batu, dan belimbing sangat sesuai dijadikan jus minuman sejuk. Jus segar ini selain enak rasanya, jus ini juga mengandungi zat dan vitamin yang sangat baik untuk kesihatan dan tumbesaran kanak-kanak.

Pengeluaran buah-buahan tempatan juga dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Apabila kita lebih gemar memilih buah-buahan tempatan, ini akan meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Secara tidak langsung kita telah membantu negara dalam menyediakan peluang pekerjaan dan meningkat ekonomi negara.

Kesimpulannya, untuk menanamkan semangat patriotisme, cinta akan tanah air, kita sangat digalakkan makan buah-buahan tempatan kerana buah-buahan ini banyak kebaikannya. Tambahan pula, buah-buahan tempatan didapati lebih murah daripada buah-buahan import. Oleh sebab itu, rakyat Malaysia dapat menikmati buah-buahan ini tanpa mengira yang kaya mahupun yang miskin.

CARA-CARA MENGISI MASA LAPANG

Pelbagai istilah tentang masa yang kita gunakan. Antaranya ialah "Masa itu Emas", "Masa Amat Berharga" dan sebagainya. Ini menunjukkan masa sangat penting dalam kehidupan kita kerana masa yang berlalu tidak dapat diganti. Oleh itu, kita harus bijak mengurus masa supaya tidak dibazirkan begitu sahaja.

Masa dapat digunakan dengan berfaedah apabila kita memenuhinya dengan melakukan hobi yang bermanfaat. Contohnya, bersukan, melancong, mengumpul setem dan sebagainya. Jika kita gunakan masa dengan hobi yang bermanfaat akan dapat memberikan kepuasan kepada kita.

Selain itu, kita dapat gunakan masa yang terluang dengan menziarahi sanak saudara, datuk dan nenek serta teman-teman. Selain dapat bersiar-siar, melihat tempat orang, kita akan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan.

Aktiviti yang paling bermanfaat untuk mengisi masa lapang ialah membaca. Pelbagai bahan bacaan dapat dibaca seperti buku rujukan, surat khabar, novel, majalah, jurnal dan sebagainya. Kita dapat mencedok ilmu dan maklumat sebanyak mungkin daripada bahan bacaan ini.

Di samping itu, kita dapat menggunakan masa yang terluang dengan membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah. Kita perlu faham situasi ibu bapa kita yang seharian penat bekerja. Oleh itu, jika kita membantu mereka mengemas rumah, menyapu sampah dan sebagainya, kita secara tidak langsung dapat meringankan beban mereka. Kita juga akan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Kesimpulannya, kita sebagai manusia sewajarnya mendisiplinkan diri supaya tidak membuang masa begitu sahaja kerana masa sangat berharga. Oleh itu, uruslah masa dengan bijak.

GAYA HIDUP SIHAT

Amalan gaya hidup sihat harus diterapkan dalam kehidupan setiap insan kerana kesihatan kita diibaratkan anugerah Allah yang amat berharga. Kita haruslah mengamalkan amalan gaya hidup sihat seperti bersenam. Bersenam dapat mengelakkan diri kita daripada penyakit yang berbahaya.

Selain bersenam, kita juga mesti beriadah bagi menenangkan emosi dan fikiran. Riadah dapat mengembalikan kecergasan minda kita setelah penat belajar atau bekerja. Jelaslah bahawa amalan gaya hidup sihat boleh dilakukan melalui beriadah atau berehat.

Selain itu, kita juga haruslah makan makanan yang seimbang bagi mengamalkan gaya hidup sihat. Misalnya, kita mestilah makan mengikut piramid makanan. Kuantiti makanan yang kita ambil tidak boleh kurang atau lebih daripada piramid makanan. Ini dapat mengelakkan diri kita daripada masalah obesiti yang mengugat hampir separuh rakyat di negara kita. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, kita haruslah makan makanan bagi mempratikkan amalan gaya hidup sihat.

Selanjutnya, dengan mengamalkan amalan gaya hidup sihat kita dapat mengelakkan diri kita daripada banyak penyakit. Contohnya, penyakit seperti diabetes, kegagalan buah pinggang, obesiti, dan sebagainya. Penyakit kronik seperti ini tidak boleh diubati dengan senang. Bak kata pepatah, "mencegah lebih baik daripada mengubati". Pendek kata, jika amalan gaya hidup sihat ini tidak diamalkan tentulah banyak kesan yang kurang menyenangkan atau kesan buruk akan kita hadapi.

Seterusnya, kerajaan harus mengadakan kempen-kempen dan program-program tertentu untuk memberitahu peri pentingnya gaya hidup sihat kepada rakyat. Barulah rakyat akan sedar peri pentingnya kesihatan mereka. Dalam pada itu, kerajaan juga harus membina banyak pusat sukan untuk melahirkan masyarakat yang cergas.

Kesimpulannya, kita sebagai masyarakat yang berdedikasi harus mengamalkan amalan gaya hidup sihat. Kesihatan sangat vital sekali berbanding dengan benda-benda lain. Jika badan sihat, semua kerja menjadi, hasilnya pun berkualiti.